

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 MAY 2017

Pelan induk sasar pertumbuhan produktiviti buruh

BH - 9/5/2017

→ Strategi sokong aspirasi negara berpendapatan tinggi, capai status 20 negara terbaik

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Pelan Induk Produktiviti Malaysia yang dilancarkan semalam menetapkan sasaran pertumbuhan produktiviti buruh kepada 3.7 peratus setiap tahun sehingga 2020, berbanding 1.8 peratus sekarang.

Peningkatan produktiviti impak tinggi itu akan menyumbang kepada aspirasi negara berpendapatan tinggi dan mencapai status 20 negara terbaik dari segi pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan awam serta kreativiti dan inovasi menjelang 2050.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika melancarkannya, berkata pelan itu menggariskan lima teras strategik, 10 inisiatif nasional, 43 inisiatif sektor dan 16

perkara tindakan.

Ia akan dibiayai melalui sekurang-kurangnya 89 program sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan jumlah peruntukan RM9.5 bilion bagi tempoh 2017 hingga 2020.

Pencapaian masih bawah sasaran

"Pencapaian kita masih di bawah sasaran, maka kita tubuhkan Majlis Produktiviti Negara (NPC) yang akan memperoleh data produktiviti dan bermesyuarat setiap suku tahun.

"Di samping itu, sebagai prosedur operasi standard, selaku Pengerusi NPC saya akan menulis kepada Kementerian, agensi dan sektor swasta berkaitan untuk menentukan apa yang patut mereka buat bagi mencapai sasaran peningkatan produktiviti," katanya.

Yang hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat pertama NPC semalam bersetuju dengan enam keutamaan segera yang pelaksanaan bermula serta-merta, iaitu memastikan kecekapan pasaran buruh dan fleksibiliti, terutama dalam mengurus pekerja asing tidak mahir.

Ini termasuk menggalakkan penggunaan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 secara aktif oleh syarikat, mengukuhkan pendigitalan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menetapkan sasaran produktiviti untuk perusahaan di dalam proses pembayaran kewangan yang baharu.

"Selain itu, tindakan memansuhkan langkah bukan tarif yang menghalang pertumbuhan perniagaan dan menggubal model tadbir urus bagi memacu pelaksanaan pelan induk ini turut dilakukan," katanya.

Beliau berkata, menerusnya tiga pusat produktiviti sektor ditubuhkan, iaitu peruncitan, makanan dan minuman; elektrik dan elektronik serta produk kimia dengan setiap satu disediakan geran pelancaran RM5 juta bagi menjalankan kegiatan awal dan susulan.

"Ini diikuti fasa 2 pada September ini bagi subsektor jentera dan kelengkapan, pelancongan dan agro makanan, manakala fasa 3 akan bermula pada Disember bagi subsektor teknologi komunikasi maklumat (ICT), perkhidmatan profesional dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta," katanya.

Satu lagi ialah pengiktirafan kepada syarikat multinasional atau tempatan yang mencapai kadar pertumbuhan produktiviti tinggi di samping menggunakan pekerja tempatan yang ramai.